

10/10/1997

Rayuan tidak dilayan (HL)

Wan Sabariah Shikh Ali; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan sebarang rayuan daripada kementerian atau jabatan kerajaan terhadap larangan mengadakan seminar di hotel mewah tidak akan dilayan manakala rombongan rasmi ke luar negara dipotong sebanyak 30 peratus.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejak Perbendaharaan mengeluarkan larangan itu baru-baru ini, ratusan rayuan diterima daripada kementerian dan jabatan supaya seminar dan acara seumpamanya dikecualikan daripada peraturan berjimat-cermat.

"Saya harap ketua setiausaha dan ketua pengarah setiap kementerian dan jabatan berkenaan akan menggunakan kebijaksanaan masing-masing dalam menangani masalah ekonomi negara selaras dengan usaha berjimat-cermat," katanya ketika melancarkan Syarikat Perumahan Negara (SPN) di ibu pejabat Petronas di Dayabumi di sini hari ini.

Anwar berkata, kerajaan juga memutuskan supaya semua rombongan rasmi ke luar negara yang dibuat oleh kementerian kecuali yang mesti diteruskan, dipotong sebanyak 30 peratus mulai minggu lalu dari segi bilangan peserta dan tempoh lawatan.

Anwar juga mengarahkan Perbendaharaan supaya tidak melayani sebarang rayuan yang dikemukakan oleh kementerian atau jabatan berhubung perbelanjaan untuk seminar atau lawatan.

"Saya sudah memberi taklimat kepada Perdana Menteri bahawa beberapa langkah yang akan dilaksanakan dalam belanjawan nanti tidak akan disenangi oleh sesetengah pihak.

"Minggu lalu kerajaan memutuskan pemotongan 30 peratus yang bermakna jika hendak membawa lima pegawai, kurangkan kepada dua saja dan jika dirancang lima hari, jadikan dua hari saja," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ada pihak yang tidak bersungguh-sungguh untuk menangani krisis ekonomi. Sebagai contoh, sebuah jabatan merancang mengadakan seminar untuk kerani selama satu bulan di hotel. Sebuah universiti pula hendak mengadakan perbincangan tiga hari tiga malam di hotel.

Anwar berkata, dalam keadaan sekarang, ketua setiausaha kementerian dan ketua pengarah sepatutnya menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk menapis permohonan dan mengambil langkah perbelanjaan berhemat.

"Buat apa kita membina kemudahan sebegitu banyak di universiti dengan pelbagai kelengkapan dan meminta peruntukan berlebihan untuk besarkan dewan jika perbincangan diadakan di hotel.

"Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah pula kalau sudah dilantik hingga ke tahap jawatan itu haruslah menggunakan kebijaksanaan, jangan sekadar melayani permintaan," tegas beliau.

Di kalangan menteri pula, katanya, peraturan sedia ada mengkehendaki menteri yang hendak keluar negara mesti merujuk kepada Jemaah Menteri.

Menurut beliau, langkah yang akan diambil dalam belanjawan negara tentunya terpaksa tegas dan memerlukan kerjasama pimpinan negara, pegawai kerajaan, sektor swasta, kesatuan sekerja dan masyarakat umum.

"Dalam konteks ekonomi sekarang, lebih sangat kritikal. Lebih banyak lebih, lebih selamat ekonomi kita. Sekiranya kita hendak wujudkan lebih, kita perlu lebih berhemah dalam berbelanja.

"Saya tidak mahu ini diambil sebagai retorik biasa semata-mata," katanya.

Menurut Anwar, pesanan Dr Mahathir supaya rakyat tidak gelabah dalam

menghadapi kemelut ekonomi sekarang perlu diambil serius kerana lebih cepat rakyat menerima kenyataan ini lebih banyak langkah tegas boleh diambil.

(END)